

## 4.2 MAJLIS SERAHAN SURAT KENAIKAN PANGKAT DAN PENYERAPAN KE JAWATAN TETAP

Disediakan oleh: Pn. Saverin Vun Sang, Pembantu Tadbir (P/O)



Pada 14 Ogos 2012 (Selasa) jam 2.00 petang, satu Majlis Serahan Surat Kenaikan Pangkat dan Penyerapan ke Jawatan Tetap telah diadakan yang bertempat di Galeri Bangunan Canselori UMS yang telah dianjurkan oleh pihak Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

Di antara pegawai-pegawai utama universiti yang hadir pada majlis tersebut ialah Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah,

Naib Canselor UMS, Mej. (K) Datuk Abdullah Hj. Mohd. Said, Pendaftar UMS, Tn. Hj. Rizal Othman, Bendahari UMS, Pn. Dayang Rukiah Ag. Amit, Ketua Pustakawan UMS dan En. Luqman Ridha Anwar, Ketua Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar.

Seramai 13 orang kakitangan Bukan Akademik yang terlibat dalam majlis tersebut yang meliputi gred N48, S44, KP44, B28, KP14, S17, C17 dan N1. Surat Kenaikan Pangkat dan Surat ke Jawatan Tetap telah disampaikan oleh Naib Canselor UMS bersama dengan Pendaftar UMS.